

15/08/1997

Pengaruh falsafah selewengkan tafsiran al-Quran

Abdurrahman Haqqi

APA yang anda fahami jika mendengar suatu ayat al-Quran yang bermaksud: "Dan dihimpunkan bagi Nabi Sulaiman tenteranya, daripada jin dan manusia serta burung; lalu mereka dijaga serta diatur keadaan dan perjalanan masing-masing (QS. an-Naml:17)?" Anda tentu tak payah bertanya kepada sesiapa untuk memahaminya kerana ia jelas bahawa Nabi Sulaiman memiliki tentera daripada jin dan manusia. Jin dengan pengertian makhluk yang cipta daripada api manakala manusia, kita sendiri.

Tetapi bagi penolak wujudnya jin kerana terpengaruh falsafah sains dan logik pengertian ayat seperti yang anda fahami itu, tak mengena. Ini, menurut mereka, kerana jin dalam ayat ini dan juga dalam keseluruhan al-Quran adalah dunia yang tersembunyi dan suatu kekuasaan yang sangat kuat, jin bagi segala sesuatu adalah permulaan dan pembukaannya manakala `jin' dalam ketenteraan adalah panglima dan ketua turusnya. Anda akan menjumpai tafsiran ini dalam buku al-Hidayah wa al-'Irfan fi Tafsir al-Quran bil-Quran halaman 297 jika ia masih wujud.

Mengapa saya mengatakan `jika ia masih wujud'? Kerana buku ini memang sudah dinilai oleh Jawatankuasa Penilaian al-Azhar mengenainya pada 1350H - 68 tahun yang lalu - sebagai buku tafsir yang penulisnya adalah `penipu dan pendusta yang ingin mencari nama menerusi suatu perbuatan yang keji dengan memutarbelitkan hakikat al-Quran demi memenuhi cita rasa hawa nafsu ateisnya' dan diharamkan penerbitannya. Oleh itu buku ini memang hilang daripada pengedaran dengan sendirinya sebagai bukti kebenaran firman Allah yang bermaksud "Adapun buih itu maka akan hilang lenyaplah ia hanyut terbang, manakala benda-benda yang berfaedah kepada manusia maka ia tetap tinggal di bumi. Demikianlah Allah menerangkan misal perbandingan". (QS. ar-Ra'du: 17).

Di samping perkara di atas, buku berkenaan juga menolak mukjizat nabi dan Rasul, menolak hukum-hakam agama Islam seperti pengharaman riba, kewajipan zakat tumbuh-tumbuhan, hukuman-al-Quran, perceraian dan poligami.

Jika kita tengok, judul bukunya, tentunya kita akan terkecoh dan terkeliru kerana ia sangat indah, penuh ketakwaan dan keislaman di samping keilmiahannya. Judul buku itu bererti "Hidayah dan Kearifan Dalam Mentafsir al-Quran dengan al-Quran". Alhamdulillah, kerana peranan ulamalah akhirnya umat terselamat daripada tipu daya dan diselewengkan akidah, pegangan hidup dan ajaran agamanya. Hal ini adalah suatu bukti kebenaran janji Rasulullah yang baginda pernah mengatakan bahawa sekelompok umat baginda akan tetap menegakkan Islam walau apapun akan terjadi terhadap mereka. (Perhatikan hadis-Bukhari, Muslim dan Abu Daud).

Adapun sebab munculnya tafsiran al-Quran mengikut tafsiran falsafah dan logik seperti itu, penulis buku at-Tafsir wa al-Mufasssirun, Dr az-Zahabi menyenaraikan beberapa perkara antaranya dakwaan reformasi walau dengan menyalah tafsirkan al-Quran, dangkal ilmu dibarengi kesombongan; dan tidak memilik ciri keimanan murni dan lurus. (II/522-23).

Setelah munculnya gerakan pembebasan wanita Arab pada permulaan kurun ini di negara Arab yang dipelopori Mesir dengan dimulakan oleh seorang wanita - tak payah saya sebutkan namanya untuk menghindari fitnah - yang dengan berasa bangga dan sombong kerana baru pulang dari Eropah membuka hijab dan jilbabnya dan hanya tinggal memakai rock dan blues sambil meneriakkan kebebasan di stesen kereta api Kaherah. Warga Kaherah tentunya waktu itu terperanjat dan menganggapnya orang tak siuman. Tapi, dengan

kejadian itu bermulalah sejarah wanita Arab memakai pakaian terbuka selepas mereka berjilbab selama berkurun-kurun bermula daripada kemasukan Islam pada zaman Khalifah Umar bin al-Khattab.

Penyokong mereka selepas itu - daripada kalangan lelaki dan wanita, intelek, cendekiawan malah `ulama' - mula mentafsir semula ayat 31 surah an-Nur dengan menyesuaikan kepada tafsiran falsafah dan logik yang salah satu tafsirannya adalah tidak wajibnya menutup aurat wanita dengan jilbab yang penting mereka masih dalam batas kesopanan dan kesederhanaan dalam berpakaian. Padahal, jika kita perhatikan ayat terbabit kita tak perlu bersusah payah untuk memahaminya dengan memutarbelitkannya demi penyesuaian dengan falsafah dan logik. Ini kerana ayatnya dengan jelas menyatakan `dan hendaklah mereka (wanita mukminah) menutup belahan leher bajunya dengan tudung kepala mereka".

Andainya tafsiran ayat berkenaan difalsafahkan sehingga menjadi `yang penting dalam batas kesopanan' maka kita akan banyak menjumpai perintah dan larangan al-Quran yang mesti diubah suai mengikut panduan falsafah dan logik yang menyesatkan. Solat, sebagai contoh, tak payah lagi dengan gerak geri yang dimula dengan takbir dan diakhiri dengan taslim kerana maksud solat adalah berhubungan dengan Tuhan jadi andainya ada cara yang boleh menggantikannya seperti tafakur atau berdiam diri saja maka tak payah lagi solat seperti yang didakwa oleh pengikut Batiniyah. Atau cukup dengan doa saja kerana solat ertinya doa secara lingusitik.

Dalam perniagaan, setiap mereka terbabit mahu mencari keuntungan dan jika ada suatu urus niaga menguntungkan manakala yang lain masih dalam tahap keraguan dan berisiko mereka akan memilih urus niaga yang jelas ada untungnya. Begitu juga kita sebagai muslim yang tijarah ma'allah atau berniaga dengan Allah, maka kita akan memilih sesuatu yang pasti menguntungkan seperti menutup aurat secara Islam kecuali muka dan kedua tapak tangan menerusi hadis riwayat Bukhari dan Muslim daripada mentafsirkannya dengan "Selagi dalam batas kesopanan" menerusi falsafah dan logik. Apalah ruginya untuk `menutup belahan leher bajunya dengan tudung kepala".

Dalam ketenterangan, kerisauan dan kebimbangan diri ketika membaca, mendengar dan memerhati tafsiran falsafah dan logik yang menyeleweng itu, sayapun tertanya-tanya apakah pentafsiran al-Quran sebegini termasuk dalam pernyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Jumaat lalu selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno, "Apa yang dikatakan oleh mereka tidak boleh ditolak, dakwaan ini boleh menimbulkan kekeliruan kerana mereka tidak boleh mendakwa diri mereka adalah ulama dengan sewenang-wenangnya"? Wallahu a'lam.

(END)